

TERMA & SYARAT AUTOPAY BILL UOB

Terma dan syarat di sini akan diguna pakai untuk Perkhidmatan AutoPay Bill ("Perkhidmatan") United Overseas Bank (Malaysia) Bhd (271809-K) ("UOBM") dan mesti dibaca bersama dengan Perjanjian Kad Kredit Visa / MasterCard UOB ("Perjanjian Ahli Kad").

Jika terdapat sebarang percanggahan atau ketidaksejajaran di antara terma dan syarat ini dengan Perjanjian Ahli Kad, terma dan syarat ini akan dikekalkan dan diguna pakai untuk Perkhidmatan. Melainkan terdapat percanggahan maksud untuk perkataan dan ungkapan yang digunakan dalam terma dan syarat ini, perkataan dan ungkapan yang digunakan di sini akan mempunyai makna yang sama seperti dalam Perjanjian Ahli Kad.

1. United Overseas Bank (Malaysia) Bhd ("UOBM") akan menawarkan Perkhidmatan AutoPay Bill ("Perkhidmatan ") kepada semua Ahli Kad Utama baru dan sedia ada yang memegang Kad Kredit yang dikeluarkan oleh UOBM ("Ahli Kad").
2. Ahli Kad yang memiliki akaun Kad Kredit UOBM yang terkini dan berada dalam kedudukan yang baik dengan baki yang mencukupi layak untuk memohon untuk Perkhidmatan ini.
3. Apabila Ahli Kad memohon untuk Perkhidmatan ini, Ahli Kad dianggap sebagai telah menerima Terma dan Syarat ini.
4. Ahli Kad boleh memohon Perkhidmatan ini dengan melengkapkan dan menghantar borang permohonan Perkhidmatan untuk Perkhidmatan yang ditetapkan. Salinan borang permohonan boleh diperolehi dari lawan web UOBM di www.uob.com.my.
5. Ahli Kad mesti menyediakan butiran maklumat akaun dengan Pembekal Perkhidmatan ("Pembekal Perkhidmatan") tertentu di dalam borang permohonan Perkhidmatan.
6. UOBM tidak akan bertanggungjawab kepada Ahli Kad atas sebarang caj, kehilangan, kerosakan atau tanggungjawab apa pun yang ditanggung oleh Ahli Kad kerana kelewatan atau kegagalan oleh UOBM dalam meluluskan sebarang permohonan untuk Perkhidmatan, melainkan disebabkan oleh kelalaian berat atau salah laku UOBM yang sengaja berkaitan dengan Perkhidmatan ini.
7. UOBM boleh meluluskan atau menolak sebarang permohonan dan untuk menghadkan jumlah yang diluluskan untuk dipindahkan di bawah Perkhidmatan ini.
8. Setelah UOBM meluluskan permohonan Ahli Kad untuk Perkhidmatan, semua jumlah yang perlu dibayar dan terutang kepada Pembekal Perkhidmatan ("Caj") yang harus dibayar dan / atau dibuat perlu dibayar kepada Pembekal Perkhidmatan yang ditentukan akan didebitkan dari akaun Ahli Kad Kredit.

9. Pengaktifan transaksi autodebit yang pertama ("Tarikh Pengaktifan") memerlukan sekurang-kurangnya dua (2) bulan daripada tarikh permohonan Perkhidmatan ini. Walaupun UOBM akan cuba sedaya upaya untuk menuntut bayaran untuk Caj (-caj) tersebut, UOBM tidak bertanggungjawab untuk membuat pembayaran tersebut sepanjang masa ataupun pada tempoh masa yang ditetapkan.
10. Kecuali disebabkan oleh kelalaian besar atau kesalahan sengaja UOBM yang berkaitan dengan Perkhidmatan ini, UOBM tidak akan bertanggungjawab kerana terdapat kesilapan, pengabaian, penolakan atau peninggalan yang dibuat, atau kelewatan membuat, apa-apa atau semua pembayaran Caj kepada Pembekal Perkhidmatan. UOBM juga tidak akan bertanggungjawab atas tindakan, kelewatan, atau peninggalan oleh Pembekal Perkhidmatan semasa kelanjutan Perkhidmatan.
11. Semua Ahli Kad yang mengambil bahagian mesti sentiasa memantau Had Kredit Akaun Kad Kredit mereka yang ada dan memastikan bahawa Akaun Kad Kredit yang dikendalikan dengan UOBM hendaklah dikendalikan oleh Ahli Kad secara berkala dan memuaskan.
12. Apabila Akaun Kad Kredit Ahli Kad tidak mempunyai baki yang mencukupi atau tiada baki, UOBM tidak wajib untuk memberitahu Ahli Kad mengenai semua yang tidak dibayar atau mana-mana Caj kepada Pembekal Perkhidmatan dan UOBM boleh tanpa notis kepada Ahli Kad:
 - i. Memilih untuk tidak membayar Caj(-caj) kepada mana-mana atau semua Pembekal Perkhidmatan, di mana Ahli Kad bertanggungjawab untuk membayar baki bayaran tertunggak kepada Pembekal Perkhidmatan; atau
 - ii. Menentukan aturan keutamaan bayaran untuk Caj(-caj), di mana Ahli Kad bertanggungjawab untuk membayar Caj(-caj) yang tertunggak kepada Pembekal Perkhidmatan yang berkenaan.
13. Jika Akaun Kad Kredit Ahli Kad dihentikan tanpa ditamatkan atau dibatalkan sebelum pembayaran Caj(-caj) kepada Pembekal Perkhidmatan yang ditetapkan, UOBM akan menghentikan semua pembayaran Caj (-caj) kepada Pembekal Perkhidmatan. Jikalau berlaku peristiwa tersebut, Ahli Kad bertanggungjawab untuk terus membayar semua Caj yang perlu dibayar kepada Pembekal Perkhidmatan secara langsung dan UOBM tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang ganti rugi atau kerugian yang disebabkan oleh peristiwa ini.
14. Apabila penggantungan Kad Kredit Ahli Kad telah dibatalkan dan telah beroperasi dengan sepenuhnya, Ahli Kad mesti memberi surat bertulis kepada UOBM untuk menyambung Perkhidmatan ini. Selepas menerima surat bertulis ini, UOBM, atas budi bicara mutlaknyanya, berhak untuk mengaktifkan pembayaran Caj(-caj) seterusnya kepada Pembekal Perkhidmatan.
15. Jika Kad Kredit Ahli Kad telah ditamatkan, ditarik balik, dibatalkan atau dihentikan oleh UOBM, UOBM akan serta merta menghentikan semua pembayaran Caj (-caj) kepada Pembekal Perkhidmatan. Selepas itu, Perkhidmatan ini dan kewajiban UOBM untuk membuat pembayaran Caj (-caj) kepada Pembekal Perkhidmatan akan dihentikan secara automatik. Ahli Kad akan

bertanggungjawab sepenuhnya untuk membayar Caj-Caj yang perlu dibayar kepada Pembekal Perkhidmatan secara langsung dan UOBM tidak akan menanggung sebarang liabiliti untuk ganti rugi dan kerugian yang timbul seterusnya akibat peristiwa tersebut.

16. Sekiranya Kad Kredit Ahli Kad dinaiktarafkan, dituruntarafkan atau ditukarganti dengan nombor kad yang berlainan, pembayaran Caj (-caj) Perkhidmatan ini hanya untuk Pembekal Perkhidmatan di bawah sahaja akan dipindahkan secara langsung ke Kad Kredit yang dinaiktarafkan/dituruntarafkan/ditukarganti dan didebitkan daripada Akaun Kad Kredit Ahli Kad tanpa rujukan lanjutan pada Ahli Kad:-

- Telekom Malaysia

17. Untuk Pembekal Perkhidmatan yang lain, Ahli Kad bertanggungjawab sepenuhnya untuk memastikan pembayaran Caj(-caj) dan memaklumkan UOBM untuk meneruskan Perkhidmatan dan bayaran kepada Pembekal Perkhidmatan yang berkenaan untuk Kad Kredit yang baru.

18. Ahli Kad bertanggungjawab untuk memaklumkan Pembekal Perkhidmatan atas kadar segera sekiranya terdapat sebarang perubahan kepada nombor Kad Kredit. UOBM tidak akan bertanggungjawab sekiranya Pembekal Perkhidmatan tidak menerima notis untuk perubahan tersebut daripada Ahli Kad yang mungkin menyebabkan ketiadaan bayaran Caj(-caj) untuk Perkhidmatan ini.

19. Ahli Kad bertanggungjawab sepenuhnya untuk memaklumkan Pembekal Perkhidmatan yang terlibat mengenai pembatalan arahan pembayaran oleh Ahli Kad sebelum membuat sebarang pembayaran Caj kepada Pembekal Perkhidmatan. UOBM tidak bertanggungjawab atas sebarang ganti rugi atau kerugian yang disebabkan oleh kelewatan Ahli Kad untuk memaklumkan Pembekal Perkhidmatan yang terlibat mengenai pembatalan pembayaran ini dan jika sebarang Caj didebitkan oleh UOBM daripada Akaun Kad Kredit Ahli Kad, ia akan ditanggung oleh Ahli Kad.

20. Berkenaan dengan pembayaran Caj yang dibuat oleh UOBM kepada Pembekal Perkhidmatan masing-masing sama ada pembayaran tersebut telah dibuat lebih atau tidak mencukupi, Caj tersebut akan didebitkan oleh UOBM ke dalam Akaun Kad Kredit Ahli Kad dan secara konklusif dianggap telah ditanggung oleh Ahli Kad

21. UOBM tidak akan bertanggung jawab atas sebarang tindakan, peninggalan, kecacatan atau kekurangan dalam Perkhidmatan jika disebabkan oleh atau dikaitkan dengan Pembekal Perkhidmatan atau disebabkan oleh pembayaran yang tidak mencukupi atau jumlah pembayaran yang berlebihan yang berkaitan dengan Caj dibuat kepada Pembekal Perkhidmatan. Dalam pertikaian Ahli Kad terhadap tindakan, peninggalan, kecacatan atau kekurangan dalam Perkhidmatan tersebut, Ahli Kad mesti menyelesaikan pertikaiannya secara langsung dengan Penyedia Perkhidmatan.

22. Ahli Kad tidak boleh, atas sebarang sebab pun, menanggung bayaran yang tertunggak kepada

UOBM untuk sebarang amaun yang telah didebitkan dari Akaun Kad Kredit Ahli Kad untuk bayaran Caj(-caj) terhadap Pembekal Perkhidmatan.

23. Tanpa mengambil kira sebarang pertikaian yang telah atau belum diselesaikan antara Ahli Kad dan Pembekal Perkhidmatan yang terlibat, Caj (-caj) yang telah didebitkan oleh UOBM ke Akaun Kad Kredit Ahli Kad dianggap muktamad dan ditanggung oleh Ahli Kad dan Ahli Kad tidak berhak untuk menuntut Caj (-caj) yang dipertikaikan antara Ahli Kad dan Pembekal Perkhidmatan daripada UOBM.
24. Sebarang pembatalan Perkhidmatan yang dimulakan oleh UOBM hendaklah diberitahu kepada Ahli Kad. Sekiranya Ahli Kad berhasrat untuk membatalkan Perkhidmatan, Ahli Kad akan memberitahu Pembekal Perkhidmatan dan UOBM. Untuk mengelakkan keraguan, pembatalan Perkhidmatan sedemikian tidak akan menghentikan Perjanjian Ahli Kad antara UOBM dan Ahli Kad.
25. Terma dan Syarat berkenaan dengan Caj tersebut yang dibuat kepada Pembekal Perkhidmatan, akan tetap berlaku tanpa mengira kematian atau muflis Ahli Kad sehingga UOBM menerima pemberitahuan sebenar mengenai kematian atau muflis Ahli Kad. Setelah menerima pemberitahuan penamatan tersebut ("Penamatan"), Perkhidmatan akan berhenti beroperasi dan tidak akan memberi kesan lagi.
26. Perkhidmatan ini sah selagi UOBM tidak menerima pemberitahuan Pembatalan oleh Pembekal Perkhidmatan atau Ahli Kad atau sebarang pemberitahuan Penamatan dengan sebab kematian atau muflis Ahli Kad.
27. Ahli Kad dengan ini secara jelas bersetuju dan memberi kuasa kepada UOBM untuk mendedahkan atau memberitahu kepada semua Pembekal Perkhidmatan maklumat yang berkaitan dengan Ahli Kad dan Perkhidmatan ini mengesahkan bahawa tidak perlu atau diperlukan lagi persetujuan daripada Ahli Kad dan UOBM akan tidak bertanggungjawab untuk mendedahkan maklumat tersebut.
28. Pembekal Perkhidmatan boleh mengenakan Terma dan Syarat yang tersendiri untuk perkhidmatan "auto-pay" dan Terma dan Syarat tersebut akan digunapakai dan terikat dengan Ahli Kad.
29. Ganjaran UNIRinggit tidak akan diberikan di bawah Perkhidmatan ini.

30. UOBM berhak menamatkan, menambah, memadam, menggantung atau mengubah terma dan syarat ini, dari semasa ke semasa, secara keseluruhan atau sebahagian, dengan menyediakan notis 21 hari kepada Ahli Kad melalui laman web UOBM, mempamerkan notis di mana-mana cawangan UOBM dan/atau melalui risalah dalam Penyata Akaun.
31. UOBM berhak untuk membatalkan, menghentikan atau penggantungan Perkhidmatan dengan pemberitahuan sebelumnya. Untuk mengelakkan keraguan, pembatalan, penamatan atau penggantungan oleh UOBM terhadap Perkhidmatan tidak akan memberi hak kepada Ahli Kad untuk tuntutan atau pampasan terhadap UOBM atas sebarang dan semua kerugian atau kerosakan yang dialami atau ditanggung oleh Ahli Kad sama ada sebagai hasil langsung atau tidak langsung daripada pembatalan, penamatan atau penggantungan, melainkan timbul daripada kecuaiian atau salah laku UOBM yang secara khusus berkaitan dengan Perkhidmatan ini.
32. Tanpa menjejaskan syarat-syarat di sini, Ahli Kad bersetuju bahawa UOBM tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kegagalan atau kegagalan untuk melaksanakan Perkhidmatan, sama ada disebabkan secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh faktor-faktor yang menyebabkan berlaku force majeure termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang tindakan Tuhan, bencana alam, perang, rusuhan, mogok, keganasan, wabak, pemadaman, tindakan perindustrian atau sebarang kejadian di luar kawalan wajar UOBM.
33. Terma dan syarat ini ditadbir dan ditafsir selaras dengan undang-undang Malaysia dan Ahli Kad bersetuju untuk patuh kepada bidang kuasa Mahkamah undang-undang Malaysia.